

KHUTBAH JUMAAT

“MENELADANI SIRAH, MEMPERKASA UMMAH”
(21 Ogos 2026M/ 8 Rabiulawal 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Berilah perhatian yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Jangan bercakap-cakap, berinteraksi dengan telefon dan segala perbuatan yang boleh menghilangkan pahala Jumaat kita. Mudah-mudahan kita meraih keberkatan dan kesempurnaan pahala solat Jumaat.

Bersempena sambutan memperingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* yang akan kita raikan tidak lama lagi, khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk menzahirkan kecintaan kita kepada sosok mulia ini dengan

menelusuri khutbah yang bertajuk: “**Meneladani Sirah, Memperkasa Ummah.**”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kemajuan dan kemakmuran bukanlah konsep yang asing dalam Islam. Malah, al-Quran dan as-Sunnah sarat dengan panduan bagi sebuah ummah itu menjadi umat yang terbaik (Khayra Ummah). Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Jumu'ah, ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا
اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (١٠)

Maksudnya: *Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

Ayat tadi menggariskan antara formula asas kepada kejayaan umat ialah keseimbangan antara usaha duniawi iaitu mencari rezeki, meneroka ilmu dan memajukan ekonomi dengan pergantungan penuh kepada Allah *subhanahu wata'ala* melalui ibadah dan taqwa.

Ummah yang maju tidak hanya diukur dari sudut bangunan pencakar langit, kepesatan teknologi, atau kekayaan material semata-mata. Kemajuan yang hakiki di sisi Islam turut merangkumi ketinggian sahsiah, integriti, kekuatan ilmu pengetahuan, dan kemakmuran yang dikongsi bersama secara adil.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Untuk merealisasikan aspirasi Ummah Maju Makmur, terdapat sekurang-kurangnya tiga teras utama yang perlu kita hayati dan amalkan bersama dalam kehidupan seharian:

Pertama: Pengukuhan Akidah dan Akhlak Mulia.

Kemajuan tanpa panduan moral akan membawa kepada keruntuhan dan penindasan. Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* diutuskan ke muka bumi ini dengan misi yang jelas iaitu menyempurnakan akhlak yang mulia. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ))

Maksudnya: *Sesungguhnya aku diutuskan hanya untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.*

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Sebuah masyarakat yang makmur memerlukan rakyat yang berintegriti, amanah, jujur dan saling menghormati antara satu sama lain. Sifat mazmumah seperti dengki, tamak, rasuah, dan khianat mesti dibanteras dari akar umbi agar nikmat kemakmuran dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat.

Kedua: Penguasaan Ilmu Pengetahuan dan Inovasi

Islam meletakkan kedudukan orang berilmu di tempat yang tinggi. Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *sallallahu*

alaihi wasallam adalah seruan untuk membaca (Iqra'), yang menjadi asas kepada budaya ilmu.

Ummah yang maju adalah ummah yang menguasai pelbagai bidang ilmu sama ada sains, teknologi, ekonomi, kejuruteraan, mahupun sains kemanusiaan. Kita tidak boleh menjadi umat yang ketinggalan zaman. Kita perlu menjadi pencipta, pembawa perubahan, dan pelopor kepada inovasi yang membawa kebaikan kepada umat manusia, selari dengan tuntutan fardu kifayah.

Ketiga: Keterangkuman dan Keadilan Sosial serta Kesejahteraan Ekonomi

Kemakmuran yang sebenar tidak akan tercapai jika kekayaan hanya bertumpu pada segelintir pihak sahaja sementara yang lain terus terpinggir. Konsep *Rahmatan lil 'Alamin* yang dibawa oleh Nabi *sallallahu alaihi wasallam* menekankan pentingnya sifat belas kasihan, kepedulian sosial, serta agihan kekayaan yang adil melalui instrumen seperti zakat, sedekah, wakaf, dan amalan muamalat yang telus.

Ketika Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* berhijrah ke Madinah, langkah pertama baginda *sallallahu alaihi wasallam* ialah mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar serta membina piagam sosial yang menjamin hak dan tanggungjawab setiap warganegara tanpa diskriminasi. Inilah model masyarakat makmur yang harus kita teladani.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Bersempena hari kebesaran Maulidur Rasul ini, marilah kita bersama-sama mengambil iktibar daripada sirah junjungan besar Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*. Marilah kita jadikan baginda *sallallahu alaihi wasallam* sebagai *Uswatun Hasanah* iaitu contoh ikutan terbaik dalam setiap tindak tanduk kita pada setiap masa dan keadaan sama ada di rumah, di tempat kerja, dan dalam masyarakat.

Marilah kita bersama-sama menggembeleng tenaga, menyatukan saf, dan mengekalkan perpaduan. Perbalahan dan permusuhan hanya akan melemahkan kekuatan kita. Sebaliknya, semangat muafakat, tolong-menolong dalam perkara kebaikan, dan cintakan tanah air akan mengangkat darjat umat Islam ke mercu kejayaan yang gemilang.

Sebelum mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Umat Islam hendaklah berusaha memperolehi kejayaan melalui keseimbangan antara usaha duniawi iaitu mencari rezeki, meneroka ilmu dan memajukan ekonomi dan usaha ukhrawi dengan pergantungan penuh kepada Allah *subhanahu wata'ala* melalui ibadah dan taqwa.

Kedua: Umat Islam hendaklah menghayati tiga teras utama yang membawa kemakmuran iaitu akidah yang kukuh dan akhlak yang

mulia, penguasaan ilmu pengetahuan dan inovasi, keadilan sosial dan kemakmuran ekonomi.

Ketiga: Umat Islam hendaklah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai *Uswatun Hasanah* iaitu contoh ikutan terbaik dalam setiap tindak tanduk kita pada setiap masa dan keadaan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا (٢١)

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, khatib menasihatkan agar orang ramai mengurangkan aktiviti fizikal di luar bangunan, memakai pelitup muka yang sesuai terutamanya bagi golongan yang berisiko tinggi, dan minum air kosong secukupnya susulan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat akibat jerebu di beberapa kawasan. Pada masa yang sama, patuhilah nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

Selain itu, teruslah istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Teguhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Usahakanlah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita dirahmati dan diberkati. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Mukminun, ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَأَعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa pada masa akan datang.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga

pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala wabak dan bala yang mengganggu kehidupan kami. Luaskan rezeki kami dan berikanlah bantuan kepada kami untuk kami mengharungi kehidupan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا أَتَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.